



LAPORAN IMPAK TAHUNAN 2023





Mengimbas Kembali Tahun 2023

Kami telah membawakan permainan kami [lebih dekat dengan pemain](#) di seluruh dunia, meningkatkan tahap dalam cara kami mengendalikan permainan dengan pejabat global dan [mengalukan kedatangan CEO baharu](#). Tournament of Souls menyaksikan Samira bertarung menghadapi pelbagai cabaran, 2XKO (dahulunya dikenali sebagai Project L) boleh dimainkan secara umum [buat kali pertamanya di EVO](#), dan VALORANT Champions Tour (VCT) [bermula dengan format baharu](#).

Semua itu hanyalah beberapa sorotan dari tahun yang padat dengan permainan, e-sukan dan acara. Di sebalik tabir, kami telah melancarkan manfaat baharu untuk Rioter, memperkenalkan [komitmen kelestarian kami untuk masa hadapan](#), menyokong perjuangan yang penting bagi komuniti dan bekerjasama dengan rakan kongsi untuk terus maju ke masa hadapan yang lebih baik bagi industri permainan, Riot dan pemain di seluruh dunia.

Matlamat kami adalah untuk menyampaikan pengalaman pemain yang terbaik mungkin. Untuk berbuat demikian, kami perlu menjadi tempat terbaik untuk menghasilkan permainan. Maksudnya, menyokong semua Rioter sebagai individu, pemain dan ahli profesional. Maksudnya, menjadi tempat yang membolehkan semua suara didengari. Maksudnya, kami sentiasa mencari jalan untuk menambah baik cara kami melayan pemain kini dan pada tahun-tahun mendatang.






Warga Riot


Setiap tahun, kami akan meneliti tahap kami sebagai syarikat berkenaan dengan demografik Rioter. Ini merupakan gambaran yang berguna untuk mengukur tahap kami pada masa ini semakin kami terus maju mengejar kemajuan. Berikut ialah data dari tahun 2023.

Rioter Wanita Di Seluruh Dunia




Perempuan = Wanita, Wanita Cisjantina, Wanita Transjantina

Minoriti Kurang Diwakili di A.S.



Minoriti Kurang Diwakili (Underrepresented Minority, URM) = Orang Kulit Hitam atau Orang Amerika Afrika, Orang Hispanik, Orang berketurunan Latinx atau Sepanyol, Orang Asli Amerika atau Orang Asli Alaska, Orang Asli Hawaii atau Penduduk Kepulauan Pasifik yang lain, dan Dua atau Lebih Bangsa di A.S



Data yang merekodkan pekerja kami mengikut bangsa hanya mewakili Rioter di A.S

Kesaksamaan Gaji

Setiap tahun, Riot bekerjasama dengan pakar pihak ketiga untuk melakukan semakan kesaksamaan gaji yang menyeluruh sebanyak beberapa kali dalam setahun. Proses ini menggunakan pelbagai pemeriksaan untuk menilai sama ada hasil pampasan dan kenaikan pangkat untuk wanita dan minoriti yang kurang diwakili adalah saksama apabila dibandingkan dengan semua Rioter. Riot kini bekerjasama dengan pakar pihak ketiga tambahan untuk melakukan analisis kesaksamaan gaji jantung yang menyeluruh menggunakan metodologi alternatif sebagai sebahagian daripada Dekri Persetujuan Riot. Di bawah kedua-dua metodologi, Riot masih tidak menyaksikan apa-apa perbezaan sistemik yang ketara dari segi statistik dalam gaji atau kenaikan pangkat.



Manfaat Kami

Sama ada membantu Rioter melabur dalam perjuangan yang diambil berat oleh mereka atau menyediakan R&R yang meluas, kami meningkatkan manfaat sedia ada kami pada tahun 2023 untuk menyokong Rioter supaya mereka boleh menaruh impian dan menyampaikan hasil itu kepada pemain. Menjalani kehidupan terbaik tidak sepatutnya bermaksud perlu membayar untuk menang. Manfaat kami bertujuan untuk memastikan medan permainan adalah sama rata bagi semua Rioter untuk memberi semua orang akses kepada sumber yang diperlukan oleh mereka untuk berjaya.



Platform Pemadanan Derma Riot: Benevity

Pada Hari Derma Selasa, kami telah melancarkan platform pemadanan derma baharu untuk Rioter dengan kerjasama Benevity yang dipanggil Rioter Giving Platform - kedai sehenti untuk Rioter mencapai impak sosial dan matlamat kedermawanan peribadi. Platform ini menyokong pemadanan derma untuk lebih banyak badan bukan untung global, membolehkan Rioter memulakan kempen mereka yang tersendiri dan memberikan kredit boleh diderma kepada Rioter apabila mereka melakukan aktiviti sukarelawan. Untuk meraikan pelancaran platform ini, setiap Rioter diberikan kredit yang bernilai USD50 untuk diderma kepada badan bukan untung pilihan mereka.

1,510 Rioter Menyertai Benevity pada Hari Derma Selasa

1,000+ Badan bukan untung yang disokong

USD310 Ribu Dikumpulkan pada Hari Derma Selasa



Program Sabatikal

Daki pergunungan Freljord, berlayar merentasi Conqueror's Sea, berbaring di pantai Ionia atau lakukan ketiga-tiganya—lapan minggu memang sudah cukup masa. Program sabatikal kami bermula pada lapan minggu untuk Rioter yang bekerja di sini lebih tujuh tahun dan ditambah dua minggu lagi untuk setiap tahun tambahan yang diluahkan, membolehkan Rioter berehat secukupnya.

17.3% daripada Rioter yang layak telah menggunakan program sabatikal pada tahun 2023

“ Selepas sepuluh tahun di Riot, sabatikal sememangnya sesuatu yang saya amat perlukan. Saya telah meluangkan masa dengan mengambil kelas dalam apa-apa sahaja dari latihan aerial hingga pilates, membaca banyak buku dan melukis, menghasilkan kraf dan mengukir di studio seni saya.

Ruang dan masa yang saya peroleh daripada sabatikal itu mengingatkan saya untuk mengambil masa, mendengar dan mempercayai diri saya sendiri supaya apabila saya kembali semula, saya betul-betul berasa terhubung semula dengan diri saya sendiri.”

- Sarah K., Pengurus Kanan Komunikasi Pemasaran, Program Riot Partner



MENYOKONG PERJALANAN RIOTER

Menempa Laluan Anda Sendiri

Dari kuliah Heimerdinger hingga kelas Star Guardian, terdapat banyak cara untuk belajar. Kami semua ingin membantu Rioter bertambah baik melalui pembelajaran, pembangunan dan pendidikan.

Pembelajaran dan Pembangunan

Untuk berkhidmat kepada pemain, Rioter perlulah boleh berkembang sepanjang kerjaya mereka. Pasukan L&D kami menyusun khas dan mencipta pembelajaran berterusan untuk Rioter, sama ada melalui pembangunan profesional atau pendidikan rasmi secara dalaman, luaran dan pandu diri.



Program Pembayaran Ganti Pendidikan

Untuk Rioter yang ingin mengambil kelas seni untuk memastikan ekor Skarner betul-betul cantik atau seminar pengurusan untuk membantu dalam memastikan set TFT yang seterusnya dilancarkan dengan licin, Program Pembayaran Ganti Pendidikan adalah untuk mereka. Pasukan L&D kami telah melancarkan program yang memberi lebih banyak peluang kepada Rioter untuk mengejar pertumbuhan kerjaya dan meningkatkan kemahiran mengikut keperluan individu mereka. Rioter akan dibayar ganti sehingga USD5,250 setiap tahun untuk kursus ijazah peringkat siswa, kursus ijazah peringkat sarjana dan pembangunan profesional.

159 Kursus lengkap merentasi lapar negara **~USD238 Ribu** dalam pembayaran ganti pendidikan



Saya telah menyertai program Kepimpinan Mudah Suai di Pusat Pengajian Pengurusan Sarjana Australia dengan Universiti Sydney UNSW. Program residen ini menggalakkan pemimpin kanan untuk mencabar pemikiran lazim kami merentasi pelbagai situasi. Dalam bidang kerja saya yang memerlukan penyelesaian mudah suai untuk cabaran yang rumit, kursus ini telah mencetuskan transformasi pada pendekatan saya. Saya amat menghargai komitmen Riot untuk memperkasakan pekerjanya melalui inisiatif seperti ini yang membantu dalam memupuk pertumbuhan dan inovasi berterusan dalam komuniti kami."

- Stefano M., Pengurus Kanan Pengurusan Pembangunan





Kepelbagaian & Keterlibatan @ Riot

Pendekatan global kami untuk kepelbagaian dan keterlibatan mempunyai impak langsung terhadap keupayaan kami untuk menghasilkan permainan yang betul-betul diterima oleh pemain di seluruh dunia. Sasaran kami adalah untuk memupuk persekitaran yang membolehkan semua Rioter merentasi 20+ pejabat kami berasa disokong, diperkasakan dan dihargai. Pencapaian perkara ini akan meningkatkan keupayaan kolektif kami untuk menghasilkan permainan yang hebat dan pengalaman tulen yang mewakili komuniti yang pelbagai di sekitar kami.



Membina Komuniti dengan RIG Kami

Kumpulan Keterlibatan Rioter (Rioter Inclusion Group, RIG) kami, yang dikenali sebagai kumpulan sumber pekerja atau ERG telah menganjurkan pelbagai acara pada tahun 2023. Untuk memastikan masa hadapan yang lebih pelbagai bagi permainan, Riot Unidos menyediakan [reruai maya](#) di Latinas in Tech, Filipinos at Riot telah menganjurkan [perjumpaan GDC](#) dan Riot Noir melakukan pemasangan secara besar-besaran pada lantai pameran di [Afrotech](#). Di pejabat kami, Veterans@Riot [telah menderma PC kepada Stack Up](#) pada Hari Memorial, API@Riot telah menganjurkan [Sambutan Tahun Baharu Cina](#), dan Rainbow Rioters [telah meraikan serba-serbi Pride](#). Setiap RIG telah bertungkus-lumus menyediakan sumber, membina komuniti dan meraikan aneka ragam identiti manusia secara individu.



Women@Riot

Dengan kohort di seluruh dunia, Women@Riot ialah inisiatif global berterusan yang menyediakan komuniti dan sumber lain bagi wanita di tempat kerja. Dari sembang kopi hingga bengkel dan penceramah jemputan, ahli-ahli dapat membina komuniti dan memperoleh sokongan daripada satu sama lain untuk membantu mereka berjaya di Riot dan seterusnya.

Pada tahun 2023, kami telah memperkenalkan kohort berasaskan identiti, serantau dan khusus kraf untuk memupuk komuniti dalam program termasuk kohort bagi wanita Berkulit Hitam, wanita di pejabat kami merentasi Korea, Mexico dan Brazil serta wanita di ruang Tech Art. Di EMEA, Women@Riot telah bekerjasama dengan Universiti Yale untuk menyediakan peluang kepada 25 Rioter berpangkat kanan untuk menyertai Program Kepimpinan Wanita Yale demi menambah baik kemahiran mereka dari segi kepimpinan, visi strategik untuk masa hadapan dan keupayaan untuk berkomunikasi dengan berkuasa.

35+ Kohort
Global

76+ Acara sejak
tahun 2021



Penglibatan Rioter

Membantu untuk membawa perubahan di Riot dan dalam komuniti.

Program Sukarelawan Mentor

Mentor adalah penting – Vi tidak akan menjadi dirinya yang sekarang tanpa Vander. Sepanjang tempoh 10 minggu, Rioter bekerjasama dengan [Good City Mentors](#) untuk bertemu dengan sekumpulan pelajar dari Los Angeles United School District (LAUSD) setiap minggu di University High School untuk menyediakan bimbingan mentor dan sokongan. Setiap pelajar berpeluang untuk belajar daripada 2-3 mentor untuk membantu mereka mengasah kemahiran kepimpinan mereka. Program Sukarelawan Mentor dijalankan sebanyak dua kali pada tahun 2023 dan menghasilkan aktiviti sukarelawan yang berjumlah 300+ jam.



RIG Baharu

RIG kami dilancarkan secara global pada tahun 2023 dan telah menambahkan lima kumpulan baharu kepada [jadual RIG](#) Dengan memperluaskan cawangan sedia ada untuk Riot Women dan Rainbow Rioters kepada EMEA dan APAC, RIG baharu kami dapat menyediakan komuniti yang dekat dengan rantau tersebut dan sokongan untuk isu yang khusus kepada rantau tersebut. Selain melancarkan RIG secara global, kami telah memulakan RIG berfokus kepada ketidakupayaan yang baharu.



Riot Women EMEA dan APAC

Mewujudkan persekitaran inklusif yang membolehkan Rioter wanita menerima, meraikan dan memperkasakan suara mereka.




Rainbow Rioters EMEA dan APAC

Memupuk komuniti, produk dan pengalaman inklusif LGBTQIA+ di Riot dan seterusnya.



DiverseAbility

Memupuk budaya keterlibatan untuk Rioter yang menganggap diri mereka mempunyai ketidakupayaan dan untuk Rioter yang merupakan penjaga, ibu bapa, pasangan dan keluarga bagi individu yang hidup dengan realiti sebegitu.



Perwakilan Dalam Permainan

Membawakan bentuk perwakilan Amerika Latin yang baharu kepada Runeterra dan VALORANT.

Milio

Keluaran ahli sihir Ixtal muda pada bulan Mac 2023 telah membawakan jenis magik elemental baharu kepada Rift. Kawasan Ixtal di Runeterra mengambil inspirasi dari budaya Amerika Latin, jadi untuk keluaran Milio, Riot Unidos, iaitu RIG untuk Rioter Amerika Latin, [telah bekerjasama dengan pasukan champion](#) untuk menyelaraskan segala-galanya dari ciri wajahnya hingga warna pakaian dan rambutnya yang kerinting.

Pasukan muzik kami bekerjasama dengan pemain genderang Amerika Latin, Alex Acuña dan peniup flut, Pedro Eustache untuk [mencipta Tema Champion Milio](#) yang mengaitkan bunyi Ixtal yang tersendiri dengan pengaruh budaya dunia sebenar.

Membawa Milio dan Gekko Lebih Dekat Lagi

Dengan keluaran watak ini, pasukan LATAM yang berpangkalan di [Mexico City](#) telah mencipta kempen yang membawakan watak ini kepada pemain di seluruh rantau tersebut. “Hola Milio” memperkenalkan pemain di rantau tersebut kepada tenaga nakal ahli sihir muda ini sambil bekerjasama juga dengan [Twiincosplay untuk menghidupkan Milio](#).

Untuk Gekko, mereka menganjurkan acara komuniti yang dipanggil El Barrio de Gekko di Chile, Mexico dan Peru bersama dengan mural yang ditempah untuk mengalu-alukan kedatangan Gekko dan rakannya ke Alpha Earth.

Gekko

Walaupun dunia Runeterra mengambil inspirasi daripada budaya dunia sebenar, Alpha Earth VALORANT ialah versi futuristik bagi dunia sebenar kami. Gekko, Initiator Mexico Amerika dengan rakan comel, berasal dari Los Angeles Timur. Anak kepada ibu bapa yang berasal dari Mexico, [kisah Gekko](#) adalah tentang hidupnya sebagai seorang pendatang asing generasi pertama yang tersepit antara dua budaya, yang tinggal di bandar berbilang budaya seperti Los Angeles dan dinamik keluarga yang merupakan inti pati dirinya.



Apabila saya berpeluang untuk menyertai pelancaran Gekko, saya berasa detik itu merupakan salah satu perkara yang paling memuaskan yang pernah saya lakukan di Riot. Ahli Unidos menawarkan cerapan untuk membina rumah Gekko dan mengaitkannya dengan pengalaman peribadi kami. Pasukan VALORANT amat memberikan kerjasama dan telah memasukkan easter egg Unidos ke dalam [treler pelancarannya](#). Saya berasa amat bangga apabila saya menyaksikan komuniti pemain dapat mengaitkan diri mereka dengan Gekko dan menggambarkannya sebagai seseorang yang mengingatkan mereka akan rakan dan ahli keluarga. Hasil ini menggariskan keprihatinan dan kasih sayang yang dicurahkan dalam menghasilkan ejen ini.”

- Joshua F., Ketua Bersama Riot Unidos





RIOT GAMES

Dana Impak Sosial

Sejak pelancaran [Dana Impak Sosial Riot Games](#) pada tahun 2019, dana tersebut telah digunakan untuk menyokong pelbagai jenis perjuangan yang berusaha untuk membawa perubahan positif di seluruh dunia. Pada tahun 2023, dana tersebut telah mengatasi [penanda pengumpulan yang bernilai USD50 Juta](#), pencapaian penting yang menyerlahkan impak sepanjang beberapa tahun yang lalu untuk kempen amal dalam League of Legends, VALORANT, Teamfight Tactics, Wild Rift dan Legends of Runeterra.

USD50 Juta

Dikumpulkan

450+

Organisasi

28

Rantau



USD4.5 JUTA DIPERUNTUKKAN

Kempen Pengundian Amal

[Kempen Pengundian Amal](#) tahunan memberi pemain suara untuk menentukan tempat wang dalam Dana Impak Sosial akan disalurkan. Melalui kerjasama dengan [GlobalGiving](#) dan Rioter serantau, 84 badan bukan untung telah dipilih merentasi 28 rantau. 589,000 pemain telah mengundi antara tiga pilihan untuk menentukan cara badan bukan untung akan menerima bahagian daripada dana terkumpul rantau mereka.



USD3.95 JUTA DIKUMPULKAN

Acara Soul Fighter

Dengan Soul Fighter yang bersaing dalam [Tournament of Souls](#) pada musim panas yang lalu, semua permainan kami yang berlatarkan Runeterra telah menyambut acara itu dengan pengalaman sinematik, mod baharu dan banyak lagi.

Sepanjang acara itu, 20% hasil daripada Soul Fighter Event Pass, Soul Fighter Samira, Bundle Unmatched Bounty Hunter dan banyak lagi telah disalurkan terus ke Dana Impak Sosial.



USD3.3 JUTA DIKUMPULKAN

Bundle Give Back

Bundle Give Back 2023 VALORANT membolehkan pemain memilih jenis skin klasik yang mereka ingin dikembalikan ke kedai. Beratus ribu pemain telah mengundi, dengan Gaia's Vengeance Vandal, Recon Spectre, Magepunk Sheriff dan Reaver Guardian yang menang dan menyertai tiga aksesori tambahan untuk mengisi bundle tersebut. 50% hasil skin senjata dan 100% hasil aksesori telah disalurkan kepada Dana Impak Sosial Riot Games.

Menyokong Organisasi Merentasi Industri

Kami bekerjasama dengan rakan kongsi yang membantu kami melakukan impak secara eksponen dalam komuniti yang kami sediakan perkhidmatan untuk generasi yang akan datang.

DonorsChoose

Kami bekerjasama dengan [DonorsChoose](#) untuk melancarkan kempen pepadanan derma yang bernilai USD200,000 untuk menyokong guru sekolah menengah yang memerlukan dana bagi projek yang berkaitan dengan reka bentuk permainan, pembangunan permainan atau e-sukan. Untuk menyokong guru di negeri kami sendiri, kami juga telah menyalurkan dana kepada setiap projek yang berkaitan dengan e-sukan dan permainan di sekolah menengah di California dalam platform itu pada masa tersebut.

Kempen tersebut telah menyalurkan dana kepada hampir 530 projek, memberikan impak kepada 5,400 pelajar merentasi lebih 300 sekolah. Majoriti sekolah yang menerima dana tersebut merupakan sekolah awam dalam komuniti berpendapatan rendah dan kurang diwakili.



Wicked Saints

Sejak melancarkan [Program Pengasas yang Kurang Diwakili](#) (Underrepresented Founders Program, URF) pada tahun 2020, kami telah menyalurkan dana kepada pelbagai jenis studio. Wicked Saints Studios merancang untuk mengeluarkan beta bagi permainan andalannya, "[World Reborn](#)," pada tahun 2024. Studio tersebut menggambarkan permainan itu sebagai permainan pengembaraan-aktivisme pertama di dunia. Menyelesaikan tindakan dunia sebenar memperkasakan pemain dalam permainan, membolehkan pemain menjadi hero di dalam dan di luar permainan.

“Sebagai seorang wanita berkulit hitam yang merupakan orang luar kepada industri ini, menerima sokongan daripada program URF Riot sememangnya sesuatu yang membawa perubahan yang besar terhadap diri saya. Program ini membuka peluang kepada penerimaan dana, bakat dan kepakaran yang saya tidak dapat akses sebaliknya. Pada tahun 2023, hanya 0.5% daripada dana usaha sama disalurkan kepada pengasas Berkulit Hitam dan sebahagian daripada dana tersebut disalurkan kepada pengasas wanita Berkulit Hitam. Apabila saya cuba mengumpulkan dana saya pada pusingan yang kedua, pasukan di Riot telah membuat pengenalan, menyertai panggilan dan menasihati tentang terma. Riot akhirnya berjaya mengetuai bersama pusingan yang terlebih langganan. Saya selama-lamanya akan berterima kasih kepada program URF kerana menyokong kami.”

- Jessica M., CEO/Pengasas Bersama Wicked Saints Studios



MENYOKONG ORGANISASI MERENTASI INDUSTRI



MSI dengan British Esports



Afrotech



SoLa Impact

SoLa Impact

Selepas Pusat Teknologi dan Keusahawanan SoLa dibuka pada tahun 2022, yang dibiayai secara separa daripada derma kami yang bernilai USD2.25 Juta, kelas kian rancak pada tahun 2023 dengan 2,500 pelajar yang menerima impak daripada pusat tersebut. Rioter juga kerap melawati pusat tersebut untuk melakukan aktiviti sukarelawan dan menganjurkan acara untuk komuniti LA Selatan.

1,000 Dreams Fund

Esports Broadcasting Cadetship yang dikuasakan oleh Riot Games merupakan program berbayar selama tiga bulan yang bekerjasama dengan 1,000 Dreams Fund yang membantu wanita menyaksikan aktiviti di sebalik tabir dalam industri e-sukan di Remote Broadcast Center yang dikuasakan oleh AWS Riot Games di Dublin.

British Esports

Di MSI London, kami berpasukan dengan British Esports untuk mencipta pengalaman yang bermakna bagi pelajar sekolah menengah tempatan. Kami telah menjemput 80+ pelajar daripada komuniti yang kurang diwakili untuk melihat cara Riot menganjurkan acara pada skala ini dengan lawatan di sebalik tabir, panel kerjaya dan menyaksikan cara hari perlawanan berjalan secara langsung.

AfroTech


Kami mengambil bahagian di AfroTech 2023 secara besar-besaran. Riot Noir, RIG kami untuk Rioter Berkulit Hitam, telah hadir di Austin, Texas untuk bercakap dengan hadirin, berhubung dengan komuniti Orang Berkulit Hitam merentasi industri dan berkongsi perspektif tentang cara Riot menggabungkan D&I ke dalam produk kami.



Menyokong Pemain Di Mana-mana Sahaja

20+ pejabat kami menyediakan perkhidmatan hiper kepada rantau mereka untuk membawakan pengalaman permainan kepada pemain di seluruh dunia.

Menjadi Lebih Dekat dengan Pemain di APAC




Pada tahun 2023, kami telah menubuhkan atau memperluaskan pasukan di Jakarta, Indonesia; Manila, Filipina; Mumbai, India; dan Bangkok, Thailand untuk menjadi lebih dekat dengan pemain yang bersemangat merentasi Asia Tenggara dan India. Dengan pasukan di India [yang berpindah ke Mumbai](#) dan Riot yang memulakan [penerbitan sendiri bagi permainan kami di Asia Tenggara](#), tahun 2023 menyaksikan peningkatan tahap pasukan kami merentasi APAC.



Menambahkan Sydney Studio kepada Keluarga Riot

Pada tahun 2022, kami telah menambahkan [Wargaming Sydney](#), pasukan yang terdiri daripada pelbagai jurutera, artis dan pereka dengan sejarah yang kaya dalam industri permainan Australia. [Pasukan di Sydney](#) telah meluangkan tahun 2023 bekerjasama dengan studio global kami untuk bekerja merentasi permainan langsung, tajuk R&D dan projek teknologi teras kami.



Pangkalan Utama di Rantau Nordic

Dari League of Legends Worlds yang pertama di Jönköping, Sweden pada tahun 2011 hingga VALORANT Masters Copenhagen pada tahun 2022, kami mempunyai banyak kenangan manis di rantau Nordic. Pada tahun 2023, kami bergerak lebih dekat kepada pemain di rantau ini dengan melakukan persediaan asas untuk [kewujudan fizikal di Stockholm, Sweden](#). Rioter Nordic kami berusaha untuk menyampaikan pengalaman penerbitan yang paling terbaik kepada pemain di rantau utara itu.

Menyediakan Perkhidmatan Hiper Kepada Pemain Tempatan

SHANGHAI



Pesta Tanglung

Keluarkan tanglung–yang besar-besar. Untuk meraikan Tahun Baharu Cina, Rioter di [pejabat Shanghai](#) kami bekerjasama dengan Persatuan Pertunjukan Tanglung Zigong untuk membina [pertunjukan tanglung bertema Runeterra](#) yang besar menampilkan Blitzcrank, Lee Sin dan banyak lagi di wilayah Sichuan, China. Pasukan tersebut juga bekerjasama dengan Tencent dalam [video yang menampilkan Irelia dan Caitlyn](#) di Muzium Potongan Kertas China.

SEOUL



Sukan Asia

Musim luruh lalu dipenuhi dengan Faker. Mendahului League of Legends Worlds di Korea, Sukan Asia menampilkan pasukan terbaik yang bersaing sambil mewakili negara mereka. Sebelum Faker, Chovy dan pasukan yang terdiri daripada barisan pemain terbaik Korea memenangi pingat emas, [Rioter di Seoul](#) telah mencipta kempen Warrior dengan video, misi dalam permainan dan acara di seluruh Korea.

BERLIN



Dokumentari Pasukan Kiedys Mieli

Dari Jankos hingga IEM Katowice, Poland mempunyai sejarah e-sukan yang kaya. Pasukan Eropah Timur [yang berpangkalan di Berlin](#) telah mencipta dokumentari 90 minit yang menunjukkan cara komuniti e-sukan League Poland berkembang daripada pasukan terawal hingga kini. Video ini ditayangkan di Łódź, Poland dan pada [saluran YouTube League of Legends](#) Poland.

MEXICO CITY




Skin Día De Los Muertos

Kelalang Renata Glasc tidak pernah kelihatan secantik ini. Pada bulan Oktober, kami telah mengeluarkan skin La Ilusión yang diilhamkan daripada Dia de los Muertos (Hari Kematian) yang menampilkan skin baharu untuk Renata Glasc, Draven, Ziggs, Gnar, Qiyana dan Nidalee. [Pasukan di Mexico City](#) bekerjasama untuk menghasilkan skin ini dan mencipta video [yang merakamkan champion dengan Papel Picado](#), kertas istiadat yang digunakan untuk menghiasi *ofrendas*.

Menyediakan Perkhidmatan Hiper Kepada Pemain Tempatan

BANGKOK



Drift: Loy Thara

Dengan pantai berpasir dan pasar terapung, Drift, [peta Team Deathmatch](#) dalam VALORANT, membawa budaya Thailand ke dalam permainan buat kali pertamanya. Rioter di Bangkok telah membantu untuk menyampaikan peta tersebut kepada pemain melalui kerjasama dengan pemakai cosplay, menjalankan perlawanan pertunjukan dan menganjurkan acara pelancaran yang menarik perhatian daripada pihak media di seluruh rantau tersebut.

ISTANBUL



Sambutan 100 Tahun

Menangilah Piala Turki. Sebagai sambutan ulang tahun ke-100 Republik Turki, League, TFT, Wild Rift, Legends of Runeterra dan VALORANT telah menganjurkan temasya mereka yang tersendiri di Turki. Sementara pemain bersaing untuk merebut hadiah kerusi permainan tersuai, [pasukan di Istanbul](#) juga menghadihkan Syiling Tahun Ke-100 sebagai kenang-kenangan kepada pempengaruh, pasukan e-sukan dan pemain.

STOCKHOLM



Northern Showdown

Dengan keluaran [Deadlock](#), Norwegian Sentinel VALORANT, pasukan kami di UK berhadapan dengan sedikit permusuhan serantau mesra untuk membawa ejen ke rantau Nordic. Komuniti VALORANT di Norway dan Sweden terlibat dalam pertandingan antara negara yang membawa kepada acara langsung di Oslo dan Stockholm. Sweden menjadi pemenang yang meraih gelaran juara VALORANT di rantau utara.

SÃO PAULO



AFROPUNK

Afropunk merupakan jenis acara yang pasti disukai Raze. Pesta global yang meraikan budaya Orang Berkulit Hitam itu, titik pertemuan muzik, fesyen dan gaya hidup, menganjurkan salah satu acara terbesar mereka di Salvador Bahia, kampung halaman Duelist popular VALORANT. Untuk Afropunk 2023, [pasukan di Brazil](#) menganjurkan acara merentasi São Paulo, Rio de Janeiro, dan Salvador Bahia yang menampilkan pertandingan tarian, sesi permainan dan banyak lagi.



Memupuk Ekosistem yang Sihat

Untuk menambah baik pengalaman pemain, permainan perlulah selamat dan mesra untuk semua orang.

Dinamik Pemain dalam Masa Nyata

Pasukan Dinamik Pemain kami berdedikasi untuk mengurangkan kelakuan mengganggu dan menambah baik pengalaman permainan untuk semua pemain. Dalam VALORANT, pasukan ini telah berjaya melengkapkan beta pengesanan suara yang mengganggu di Amerika Utara. Sistem ini mengesan dan menyekat bahasa yang memudaratkan dalam sembang suara semasa permainan dengan hampir setengah juta sekatan dikenakan pada tahun 2023.

75% daripada pemain tidak melakukan semula kesalahan selepas sekatan

Selain penilaian suara, selepas memberikan impak dalam League of Legends, penilaian teks masa nyata diperluaskan ke seluruh dunia dalam VALORANT pada tahun 2023 untuk melindungi pemain daripada bahasa ekstrem ketika perlawanan berlangsung.

23% pengurangan bahasa ekstrem dalam VALORANT

Privasi & Keselamatan Data

Anda berhak untuk mengetahui maklumat yang kami ketahui. Hal itu mungkin jelas tetapi syarikat sering kali akan menyembunyikan data anda daripada anda. Dalam permainan kami, anda boleh melihat data anda pada bila-bila masa yang anda mahu. Jadi, sekiranya anda ingin melihat maklumat yang kami ketahui tentang anda, anda hanya perlu bertanya.

Penyediaan data ini ialah fungsi yang diperlukan hanya di sesetengah rantau, tetapi tersedia kepada semua pemain di seluruh dunia. Kebanyakan data yang kami pegang adalah berkaitan dengan permainan pemain dan sentiasa tersedia pada bila-bila masa melalui klien dalam permainan.

67K permintaan pemain untuk mendapatkan data dipenuhi





Sokongan Legenda

Program berasaskan sukarelawan kami yang membolehkan kami berusaha melebihi keupayaan kami untuk pemain yang mempunyai kisah hebat.



Rusticles

Mari bertemu dengan Trusty Adnere dan Aviaristnya. Pengikut Vastaya dalam Legends of Runeterra yang menyokong dan membesarkan anak perempuan dalam permainan itu ialah kad yang indah kerana seni dan juga pereka kad tersebut.

Kad tersebut direka oleh Rusticles, pemain LoR berkedudukan tinggi yang bermain permainan ini menggunakan teknologi penjejakan mata disebabkan oleh ALS. Rusticles bekerjasama dengan pasukan LoR untuk [mencipta semua aspek kad ini](#) yang memberikan penghargaan kepada dirinya sendiri dan tiga anak perempuannya sambil meningkatkan kesedaran untuk ALS.

Selain kad baharu, quest baharu yang dipanggil Adnere's Adventure telah menyumbang sebanyak USD25,000 kepada Dana Impak Sosial Riot Games apabila pemain menyelesaikan [quest dalam permainan](#) yang lain. Sebagai penghargaan terhadap Rusticles, jualan kuih-muih amal tahunan Riot pada tahun 2023 telah mengumpulkan hampir USD10,000 untuk Team Gleason, sebuah organisasi yang berusaha untuk menambah baik kehidupan individu yang menghadapi ALS.



Saya berasa amat gembira dengan hasil yang diperolehi. Rekaan kad itu memang sempurna dan mempamerkan rasa cinta bersama dan ikatan akrab daripada ibu bapa kepada anak mereka. Kisah yang mengandungi inti pati keluarga, termasuk liku-liku kehidupan sebagai ibu bapa yang sedang berlawan dengan penyakit yang membawa maut. Seni kad ini juga menyebabkan saya tersenyum lebar dan perasaan saya tersentuh setiap kali saya melihat kad ini. Terdapat begitu banyak butiran dan harapan di sebalik setiap aspek pembangunan ini dan saya berasa sangat terharu dan teruja dengan hasil akhir ini."

- Rusticles



Lotus

Kehidupan Lotus berubah apabila remaja sekolah menengah yang berusia 15 tahun ini mengalami kemalangan ski yang menyebabkan dia lumpuh dari bahagian pinggang ke bawah dengan pergerakan jari yang terhad. Namun, perkara yang tidak berubah ialah semangatnya yang tidak mudah luntur, sifat inovatifnya atau cintanya terhadap permainan.

Melalui kerjasama dengan "Generate" Lab di hospital pemulihan UnityPoint Health St. Luke di Iowa, Lotus bekerjasama dengan pasukan untuk mereka bentuk dan mencipta peranti tersuai yang membolehkan dia bermain VALORANT semata-mata menggunakan pergelangan tangannya. Tambahan lagi, dia menerapkan League dan TFT ke dalam terapi pekerjaannya yang membantu kemahiran motor halusnya.

Kami telah menjemput Lotus ke kampus Los Angeles kami yang membolehkan dia bertemu dengan Rioter, bermain beberapa permainan VALORANT di Riot Games Arena dan mempelajari tentang potensi kerjaya dalam industri permainan, semuanya seraya memberikan inspirasi kepada semua orang yang bertemu dengannya.



Bulan Perkhidmatan Global

Pejabat kami di seluruh dunia telah memainkan peranan dalam menyokong komuniti tempatan mereka sekali lagi sepanjang Bulan Perkhidmatan Global tahunan ke-8.



Usaha di atas hanyalah gambaran dari pejabat yang menyertai Bulan Perkhidmatan Global. Pejabat yang turut serta tetapi tidak ditunjukkan di atas ialah St. Louis, Bellevue, Barcelona, Reading, Berlin, Istanbul dan Dubai.



Sustainability@Riot

Pada tahun 2023, kami telah melancarkan komitmen kelestarian di seluruh syarikat kami dan terus berusaha ke arah memenuhi komitmen tersebut.



Menetapkan sasaran jangka pendek berasaskan sains untuk pelepasan GHG selaras dengan Perjanjian Paris.

Kami berhasrat untuk mengurangkan pelepasan global kami agar memainkan peranan kami dalam mengekalkan pemanasan global di bawah 1.5°C.



Mencapai pelepasan sifar bersih menjelang tahun 2050.

Kami akan memberi tumpuan kepada pengurangan pelepasan berterusan dari semasa ke semasa dan merancang untuk mengimbangi perkara yang tidak dapat kami kurangkan.



Mencapai 100% tenaga elektrik boleh diperbaharui dalam operasi kami menjelang tahun 2030.

Kami akan menyokong peralihan global daripada elektrik berasaskan bahan api fosil dan ke arah pilihan yang lebih bersih dan lestari.



Remote Broadcast Center yang Dikuasakan oleh AWS

Pada tahun 2022, kami telah membuka pintu kepada Remote Broadcast Center yang dikuasakan oleh AWS di Dublin, dengan pusat kedua yang akan dilancarkan pada awal tahun ini di Seattle. Selain memusatkan pengalaman e-sukan untuk menyampaikan siaran kepada peminat di seluruh dunia, pusat ini menggunakan 100% tenaga boleh diperbaharui dan dibina dengan mengambil kira kelestarian, dari panel solar hingga bahan yang digunakan dalam pembinaan. Lokasi Dublin menerima [pensijilan ISO](#) pada musim panas tahun 2023.

86%

daripada sisa dikitar semula atau dipulihkan

Mengurangkan Pembaziran Makanan Kami

Di ibu pejabat Los Angeles, NOMs, restoran di kampus yang menerima subsidi penuh, berusaha untuk mengurangkan pembaziran makanan yang berlebihan dengan menggunakan kaedah memasak berkelompok, menukar sisa makanan kepada air rebusan, sup dan sos serta memasak makan malam hari Jumaat dengan Menu Istimewa yang Disusun Khas oleh Cef yang menampilkan bahan berlebihan.

Bagi tahun 2023, berbanding dengan garis dasar 2022:

92 ton metrik sisa makanan berjaya dijimatkan secara perbandingan **394** ton metrik CO2e dikurangkan **207,675** setaraan hidangan dari segi sisa makanan dijimatkan



KELESTARIAN

Kami Melabur untuk Jangka Panjang

Kami ingin pemain menikmati permainan kami untuk generasi-generasi yang akan datang jadi kami perlulah menjalankan peranan kami untuk membantu dalam melindungi masa hadapan tersebut.

Eden Reforestation Project

Ibarat Maokai yang meninggalkan akar di Rift sepanjang Worlds 2023, kami telah membantu pemain meletakkan akar mereka sendiri yang lebih mesra di dunia sebenar. Untuk setiap 100 misi yang diselesaikan oleh pemain sepanjang Worlds Event Pass, Dana Impak Sosial Riot Games akan menyumbang USD1, sehingga USD1 Juta kepada Eden Reforestation Project.

Pemain mencapai had itu dengan pantas, membolehkan kerja pemulihan landskap Chimanimani di Mozambique dimulakan.

USD1 Juta telah disumbangkan kepada Eden Reforestation Project



Kredit Foto: Eden Reforestation Project



Take the Drake for Water's Sake

Sepanjang Worlds 2023, kami juga bekerjasama dengan rakan kongsi kami di Amazon Web Services (AWS) untuk mencipta kempen baharu yang menyerlahkan kepentingan memperluaskan akses kepada air minuman yang bersih. Dari peringkat kumpulan hingga pusingan akhir, setiap kali Ocean Drake dibunuh dalam permainan, satu sumbangan akan diberikan kepada Water.org.

70 Ocean Drake direbut

USD35 Ribu dikumpulkan untuk Water.org

Menyebabkan

70,000 orang mendapat akses berkekalan kepada air yang selamat



